

PERASAAN ORANG BUKAN ISLAM TERHADAP LAUNGAN SUARA, BACAAN DAN AKTIVITI MASJID DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

Oleh:

Ab. Aziz Mohd Zin*

Faisal Ahmad Shah**

Mariam bt. Abd Majid#

Mohd Makhi b. Adnan##

ABSTRAK

Hormat menghormati dan sifat toleransi dalam sesebuah masyarakat majmuk merupakan suatu perkara yang perlu diberi keutamaan oleh setiap anggota masyarakat. Setiap anggota masyarakat seharusnya mengetahui adat dan budaya sesuatu kaum dan mengelakkan daripada menyentuh isu-isu sensitif atau melakukan tindakan yang boleh menggugat keharmonian dan kedamaian dalam sesebuah masyarakat majmuk. Salah satu isu yang boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan anggota masyarakat majmuk ialah perkara yang berkaitan dengan ritual dan amalan agama masing-masing. Kajian ini cuba uintuk mengenalpasti perasaan orang bukan Islam yang tinggal berdekatan dengan persekitaran masjid terhadap aktiviti ibadat orang Islam di masjid-masjid negeri Selangor Darul Ehsan. Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada pihak pengurusan masjid dalam menjalankan sesuatu aktiviti seterusnya menyemai sifat keterbukaan dan toleransi di kalangan masyarakat.

* Ab. Aziz Mohd Zain, PhD, adalah Profesor kontrak di Jabatan Dakwah dan Pembagunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

** Faisal Ahmad Shah, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mariam Bt. Abdul Majid, M.A., adalah pensyarah di Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Mohd Makhi bin Adnan, Pegawai Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan, Majlis Agama Islam Selangor.

ABSTRACT

Respect and tolerance are the most vital features in multi ethnic society. Everyone in such society should aware about others ethnic's custom and culture as well as make an effort to avoid any sensitive issues; along with staying away from any action that can lead into disharmony and turbulence. Among the issues that can bring forward to disappointment is a subject related to the ritual and practice of other religion. This research attempts to explore non Muslim's sentiment that lives in the environs of the mosque concerning the activities of Muslim's worship in the Selangor Darul Ehsan's mosques. It is hope that this research could be as a guidance to the mosque management in carrying on their activities in conjunction with implanting the attributes of open-mindedness and tolerance among society.

Keywords: Multi ethnic, Mosque, Selangor

PENDAHULUAN

Dakwah kepada non Muslim merupakan satu tanggungjawab dan kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh setiap individu Muslim. Melalui usaha dakwah, segala kekeliruan terhadap Islam akan dapat dirungkaikan dan diperjelaskan. Justeru, kajian mengenai faktor-faktor penarik orang bukan Islam kepada Islam perlu dilakukan dan diusahakan. Salah satu isu yang dianggap boleh menjauhkan orang bukan Islam daripada Islam ialah aktiviti-aktiviti di masjid. Ini adalah kerana masjid merupakan pusat utama aktiviti dakwah bagi masyarakat Islam yang secara tidak langsung memberi kesan kepada orang bukan Islam sama ada dari sudut positif atau negatif. Persoalannya, sejauhmanakah orang bukan Islam melihat peranan masjid sebagai salah satu institusi terbuka dan penerimaan mereka terhadap kewujudan masjid di persekitaran tempat tinggal mereka.

Kajian ini cuba untuk melihat sejauhmanakah aktiviti masjid boleh mengganggu orang bukan Islam yang berada di persekitarannya seterusnya menjauhkan mereka daripada Islam.

Tumpuan kajian ini ialah untuk mengetahui perasaan orang bukan Islam terhadap aktiviti-aktiviti masjid terutamanya laungan suara sama ada dalam bentuk bacaan al-Qur'an, tarhim, azan dan kuliah seterusnya mengemukakan cadangan bagi memupuk perasaan harmoni dan hormat-menghormati di antara kaum pelbagai agama di Malaysia.

Metodologi dalam pengumpulan data bagi kajian ini berdasarkan metode persampelan iaitu tiga masjid di bandar/pekan yang didiami oleh majoriti bukan Islam, minoriti bukan Islam dan komposisi penduduk Islam dan bukan Islam yang sama dari sudut peratus jumlah penduduknya. Begitu juga tiga masjid di luar bandar/kampung yang didiami oleh majoriti bukan Islam, minoriti bukan Islam dan komposisi penduduk Islam dan bukan Islam yang sama dari sudut peratus jumlah penduduknya. Sebanyak 300 set soal selidik telah diedarkan ke lokasi kajian dan sebanyak 296 set telah dapat dikumpul bagi tujuan penganalisisan. Pengagihan borang soal selidik tersebut berdasarkan teori persampelan *purposive*.¹ Dapatkan kajian telah dianalisis menggunakan SPSS berdasarkan kaedah induktif, deduktif dan komparatif.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Masyarakat majmuk di Malaysia terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa. Dilihat dari sudut agama, ia terdiri daripada agama Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan lain-lain. Dilihat dari sudut bangsa pula ia terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain.

Untuk hidup harmoni dalam sesebuah masyarakat majmuk, semua anggota masyarakat hendaklah menghormati budaya semua komponen masyarakat di samping mengetahui perasaan, cara berfikir dan keperluan masyarakat berkenaan. Setiap anggota masyarakat hendaklah peka terhadap perasaan masyarakat lain.

Salah satu aspek yang sangat dititikberatkan oleh agama Islam ialah yang berkaitan dengan aspek kejiranan. Islam menggariskan beberapa perkara yang perlu dipatuhi oleh setiap individu muslim dalam berinteraksi dengan jirannya sama ada dari kalangan orang Islam dan bukan Islam. Antaranya Hadith Rasulullah yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar r.a:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ما زال جبريل يوصيني بالجبار
حتى ظننت أنه سبورته²

Rasulullah s.a.w bersabda; sentiasa Jibril berwasiat kepadaku tentang jiran sehingga aku menyangka jiran akan memberikan hak pusaka kepada jiran.

¹ Ahmad Sunawari Long (2005), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM, h. 67.

² Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismā‘īl (t.t.), *Sahīh al-Bukhārī*, Kitāb al-Adāb, Bāb al-Wuṣāṭ bi al-Jar, Hadith no. 6015.

Begitu juga sebuah Hadith daif yang diriwayatkan oleh Jabir:

الجيران ثلاثة جار له حق وهو المشرك له حق الجوار . وجار له حقوق
وهو المسلم له حق الجوار وحق الإسلام وجار له ثلاثة حقوق جار
مسلم له رحم له حق الإسلام والرحم والجوار

Jiran terbahagi kepada tiga. Pertama: jiran bukan Islam yang mempunyai satu hak iaitu hak kejiranan. Kedua jiran muslim yang mempunyai dua hak iaitu hak kejiranan dan hak Islam. Ketiga jiran muslim yang mempunyai hubungan kerabat iaitu hak sebagai Islam, hak kerabat dan hak kejiranan.

Kajian dan tulisan dalam isu hubungan antara orang Islam dan bukan Islam telah banyak dipaparkan sebelum ini. Kajian terhadap laungan suara sama ada dari sudut bacaan al-Qur'an, tarhim, azan, kuliah dan aktiviti masjid yang lain khususnya di negeri Selangor, belum pernah dilakukan sebelum ini. Namun, tulisan-tulisan mengenai persepsi masyarakat bukan Islam terhadap Islam dan umatnya pernah dibincangkan dalam beberapa artikel ilmiah dan bukan ilmiah.

Kajian oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM, 1993) yang bertajuk "Kefahaman Orang Bukan Islam Tentang Islam dan Pembangunan Imej Islam" telah menyimpulkan bahawa permasalahan imej umat Islam juga disebabkan unsur-unsur yang dikenali sebagai *emotional, historical* dan *political baggage*. Dalam erti kata yang lain gangguan - gangguan yang dirasai oleh orang bukan Islam disebabkan tindakan orang Islam yang bukan daripada suruhan agama perlu dihapuskan sama sekali. Di Barat, pembinaan masjid di sesetengah tempat telah menimbulkan rasa tidak selesa di kalangan bukan Islam kerana masjid sering dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti yang membawa kepada golongan pelampau dan pengganas.³

Dari sudut dakwah, keselesaan kumpulan sasar dan perasaan puas hati mereka terhadap Islam dan pihak-pihak yang berkait rapat dengannya sangat penting dalam usaha membawa mereka kepada Islam.

³ <http://www.msnbc.msn.com/id/12927212/>. Mosque Plans Bring Controversy To Tuscan Town. 27 hb April 2008.

HASIL KAJIAN

1. Perasaan Orang Bukan Islam Terhadap Laungan Suara, Bacaan Dan Aktiviti Masjid

Jadual 1: Kadar Gangguan Terhadap Laungan Suara, Bacaan dan Aktiviti Masjid

Bil	Item (n=296)	Kekerapan (f)	Peratus (%)
10	Kadar gangguan yang wujud ketika tinggal berdekatan masjid		
	Tiada gangguan	280	94.6
	Wujud gangguan	12	4.1
	Biasa	4	1.4

Sumber: Soal Selidik

Hasil kajian secara keseluruhannya membuktikan bahawa kebanyakan masyarakat bukan Islam yang tinggal berdekatan dengan masjid tidak merasa terganggu dengan laungan suara, bacaan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di masjid. Daripada 296 borang soal selidik yang diedarkan sebanyak 280 orang atau 94.6% menyatakan tidak terganggu dengan suara bacaan yang keluar dari masjid. Manakala seramai 12 orang atau 4.1 % menyatakan rasa terganggu dan bakinya 4 orang atau 1.4% menyatakan perkara biasa.

Soalan seterusnya berkaitan bentuk gangguan yang dialami daripada bunyi laungan suara dan bacaan-bacaan daripada masjid. Kebanyakan mereka tidak memberikan sebarang jawapan iaitu seramai 282 orang atau 95.3%, manakala 8 orang atau 2.7% menyatakan suara bacaan daripada masjid itu mengganggu tidur mereka, 4 orang atau 1.4% menyatakan gangguan ketika rehat dan 2 orang atau 0.7% menyatakan gangguan terhadap ketenteraman mereka.

Apabila dilanjutkan lagi pertanyaan berkaitan bentuk gangguan itu, seramai 10 orang atau 3.4% menyatakan gangguan bunyi bising, manakala 286 orang atau 96.6% menyatakan tidak ada gangguan.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan di kawasan Bangi, Selangor sekitar April 2007 didapati ada di kalangan bukan Islam yang menunjukkan bahawa mereka boleh menerima laungan suara-suara bacaan dari masjid dengan alasan orang Islam juga boleh menerima suara-suara daripada kuil dan tempat ibadat mereka. Malah ada juga di kalangan mereka yang berpendapat sikap toleransi ini perlu dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Terdapat beberapa aduan daripada masyarakat yang dikemukakan kepada pihak berkuasa agama di negeri Selangor tentang penggunaan pembesar suara yang dirasakan terlalu kuat sehingga mengganggu ketenteraman mereka. Walaupun aduan ini sangat kecil jumlahnya, namun ia tetap mengisyaratkan wujudnya gangguan laungan suara dan bacaan daripada masjid terhadap masyarakat awam.⁴

Kesimpulan yang dapat diambil daripada perasaan masyarakat bukan Islam terhadap laungan suara, bacaan dari masjid ialah hampir keseluruhan mereka tidak merasa terganggu. Namun beberapa usaha perlu dilakukan bagi mengurangkan perasaan tidak puas hati mereka terhadap institusi masjid.

2. Minat Responden Yang Tinggal Berdekatan Masjid Untuk Mengetahui Tentang Islam

Jadual 2: Minat Responden Terhadap Islam

Bil	Item (n=296)	Kekerapan (f)	Peratus (%)
14	Minat responden untuk mengetahui tentang Islam		
	Tidak berminat	288	97.3
	Berminat	8	2.7

Sumber: Soal Selidik

Soalan turut ditanya berkaitan dengan minat orang bukan Islam terhadap Islam. Seramai 288 orang atau 97.3% menyatakan mereka tidak berminat untuk mengetahui mengenai Islam, manakala seramai 8 orang atau 2.7% menyatakan mereka berminat.

Hampir keseluruhan menyatakan tidak berminat untuk mengetahui tentang Islam, manakala sebahagian kecil yang berminat untuk mengetahui tentang Islam memberi alasan bahawa ia berpunca daripada sikap positif orang Islam dan bacaan yang didengari dari masjid menenangkan.

Orang bukan Islam yang tinggal berdekatan masjid tidak berminat untuk mengetahui tentang Islam berkemungkinan tiada kaitan dengan faktor jarak kediaman mereka sama ada dekat ataupun jauh dengan masjid. Namun, ia banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor yang berkaitan dengan persepsi mereka terhadap orang Islam.⁵

⁴ Aduan yang diterima oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada 14hb Mei 2007 dan 19hb Mei 2007 mengenai perkara di atas.

⁵ Ab. Aziz Mohd Zin (2004), *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 223.

Kajian yang dijalankan oleh Muslim Voice UK yang bertajuk “Understanding The Other Perspective Muslim And Non Muslim Relations”⁶ telah menyenaraikan beberapa persepsi orang bukan Islam terhadap umat Islam antaranya:

- a. Mereka sentiasa buruk sangka terhadap orang Islam.
- b. Mereka merasa risau mengenai pengganas muslim.
- c. Mereka mengkritik masyarakat Islam dalam beberapa isu antaranya isu kedudukan wanita dalam Islam dan kurangnya toleransi orang Islam terhadap non muslim.
- d. Mereka tidak memperakui dan mengiktiraf diskriminasi yang dikatakan dihadapi oleh orang Islam.
- e. Kurangnya integrasi oleh masyarakat muslim dan meletakkan kesalahan tersebut ke atas orang Islam.

Begitu juga menurut Mohd Ridhuan Tee Abdullah mengenai persepsi orang Cina terhadap orang Islam dan Islam.⁷

Dr Nawi Jusoh telah menyenaraikan antara faktor orang bukan Islam tertarik untuk menerima Islam ialah penonjolan tingkah laku positif umat Islam dan unsur ketenangan jiwa.⁸ Prof. Madya Dr Zulkiple Abd Ghani pernah menegaskan melalui pemerhatiannya bahawa tidak ada usaha bersungguh-sungguh dari non Muslim di Malaysia untuk mendalamai ajaran Islam. Malah beliau dapatkan tidak ada seorang pun intelektual dari kalangan mereka yang boleh dianggap pakar dalam *mawdu'* Islam yang boleh menjadi sumber rujukan berbanding di Barat. Justeru beliau merasakan kursus Tamadun Islam yang ditawarkan di Institusi Pengajian Awam sepatutnya dapat membuka ruang kepada mereka untuk mempelajari tentang Islam. Menurut beliau lagi golongan non Muslim sepatutnya mempelajari Islam melalui sosiologi Islam bukannya melalui sosiografi Islam.⁹

3. Penglibatan Masyarakat Bukan Islam Terhadap Aktiviti Masjid

Soalan turut ditanya mengenai minat responden terhadap aktiviti masjid. Dapatkan menunjukkan seramai 274 orang atau 92.57% menyatakan tidak

⁶ <http://www.muslim-voice.com>.

⁷ <http://ridhuantee.blogspot.com/2006/11/persepsi-orang-cina-terhadap-islam.html>. 8hb Februari 2007.

⁸ Nawi Jusoh (2006), *Mengapa Kami Memeluk Islam*. Shah Alam: DNJ Consultant, h. 123 & 117.

⁹ Zulkiple Abd Ghani (1998), “Kebangkitan Islam, Etnisiti dan Respon Non Muslim di Malaysia”, dalam *Dakwah Kepada Non Muslim di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*. Bangi: UKM, h. 80.

berminat, manakala seramai 11 orang atau 3.71% menyatakan berminat. Manakala seramai 11 orang atau 3.71% menjawab lain-lain jawapan.

Jadual 3: Faktor Orang Bukan Islam Tidak Minat Menyertai Aktiviti Masjid

Bil	Item (n=296)	Kekerapan (<i>f</i>)	Peratus (%)
16	Punca responden tidak berminat untuk mengetahui tentang aktiviti masjid		
	Masjid hanya untuk orang Islam sahaja	147	49.7
	Tiada masa	90	30.4
	Tiada jawapan	11	3.7
	Sikap orang masjid	8	2.7
	Aktiviti di masjid berunsur politik	5	1.7
	Memburuk-burukkan pihak tertentu	1	0.3
	Lain-lain	34	11.48

Sumber: Soal Selidik

Apabila ditanya tentang faktor tidak berminat untuk mengetahui tentang aktiviti masjid, hampir separuh iaitu sebanyak 147 orang atau 49.7% beranggapan masjid hanya untuk orang Islam sahaja, seramai 90 orang atau 30.4% menyatakan mereka tiada masa, seramai 11 orang atau 3.71% tidak memberikan sebarang jawapan, seramai 8 orang atau 2.7% menyatakan kerana sikap orang masjid, seramai 5 orang atau 1.7% menyatakan bahawa aktiviti di masjid berunsur politik dan hanya seorang sahaja atau 0.3% menyatakan terdapat unsur-unsur yang memburuk-burukkan pihak tertentu dan 34 orang atau 11.48% menyatakan lain-lain jawapan.

Persoalan yang lain pula ialah masjid bukan sahaja dianggap sebagai untuk orang Islam sahaja oleh bukan Islam tetapi orang Islam sendiri menganggap masjid juga adalah untuk orang Islam sahaja. Justeru kita dapat aktiviti-aktiviti masjid sama sekali tidak melibatkan orang bukan Islam. Responden yang menjawab tiada masa untuk mengetahui tentang aktiviti masjid dengan jelas membuktikan mereka juga tidak berminat untuk mengetahui tentang Islam. Apa yang mengejutkan juga ada di kalangan mereka yang menganggap sikap orang masjid sendiri menjadi punca mereka tidak berminat mengetahui mengenai aktiviti masjid.

Kesimpulan, hampir keseluruhan orang bukan Islam yang tinggal berhampiran dengan masjid tidak berminat untuk menyertai aktiviti masjid dengan alasan utama yang diberikan ialah masjid untuk orang Islam dan tiada masa.

4. Jemputan Kepada Bukan Islam Untuk Menyertai Aktiviti Masjid

Responden seterusnya ditanya sama ada mereka pernah menyertai aktiviti yang dilaksanakan oleh masjid di kawasan tempat tinggal mereka atau tidak. Kebanyakan mereka iaitu seramai 275 orang atau 92.9% menyatakan tidak pernah, seramai 12 orang atau 4.1% tidak memberikan sebarang jawapan manakala 9 orang atau 3.0% menyatakan mereka pernah mengikuti aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak masjid.

Hasil kajian mendapati seramai 259 orang atau 87.5% menyatakan mereka tidak pernah dijemput untuk menyertai aktiviti masjid yang dilaksanakan manakala 37 orang atau 12.5% menyatakan pernah dijemput.

Terdapat beberapa usaha yang dilakukan oleh sesetengah masjid untuk menggalakkan orang bukan Islam menyertai beberapa aktiviti masjid yang bersesuaian seperti Program Senaman Tai Chi, sambutan Hari Raya ‘Idil Fitri dan Maulidur Rasul.

Adalah dicadangkan supaya pada peringkat awalnya, aktiviti-aktiviti yang dijalankan tidak diadakan di masjid kerana orang bukan Islam menganggap masjid adalah untuk orang Islam. Profesor Dr Abd Aziz bin Mohd Zin pernah mencadangkan supaya masjid tidak dijadikan suatu tempat yang asing bagi orang bukan Islam. Antara cadangannya ialah mengadakan sudut penerangan bagi pelawat-pelawat bukan Islam di samping mengurangkan isu-isu negatif seperti pembesar suara yang kuat dan mengganggu.¹⁰

Soalan seterusnya ditanya mengenai keinginan mereka untuk mencadangkan sebarang usul kepada pihak masjid. Majoriti responden iaitu 293 orang atau 99.0 % menyatakan tidak ada keinginan. Manakala 3 orang atau 1.0% menyatakan ada keinginan.

Soalan seterusnya ditanya adakah mereka pernah mengemukakan usul kepada pihak masjid. Seramai 295 orang atau 99.7% menjawab tidak pernah mencadangkan sebarang usul terhadap pihak masjid manakala seorang atau 0.3% pernah memberikan cadangan kepada pihak masjid.

Apabila responden ditanya mengenai tahap keselesaan mereka tinggal berdekatan masjid. Seramai 162 orang atau 54.7% merasa selesa tinggal berhampiran masjid, 113 orang atau 38.2% menyatakan rasa biasa sahaja, 14 orang atau 4.7% tidak memberikan sebarang jawapan dan hanya 7 orang atau 2.4% menyatakan tidak selesa.

¹⁰ Ab. Aziz Mohd. Zin (2003), “Pembangunan Minda Pegawai Masjid”, dalam *Membangun Institusi Masjid*. Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, h. 81.

Kesimpulannya hanya sebahagian kecil orang bukan Islam yang tinggal berhampiran dengan masjid dijemput menghadiri sesetengah aktiviti masjid yang dianjurkan. Namun apabila dijemput hanya sebahagian kecil sahaja yang menghadirinya. Kebanyakan orang bukan Islam yang tinggal berhampiran dengan masjid berasa selesa dan tidak terganggu.

SARANAN

Hasil dapatan daripada kajian ini membuktikan perlunya satu usaha bersepadan yang melibatkan semua pihak digerakkan ke arah memperbaiki hubungan antara orang Islam dan bukan Islam terutamanya melalui peningkatan kefahaman terhadap ajaran agama masing-masing. Antara usaha yang perlu dilakukan ialah:

1. Meningkatkan kefahaman orang Islam mengenai hak dan tanggungjawab memelihara dan menjaga hak jiran di kalangan orang Islam dan bukan Islam. Caranya ialah setiap pihak mengenal pasti perkara-perkara yang disukai dan tidak disukai oleh pihak lain seterusnya mengambil tindakan mengikut pertimbangan yang bersesuaian.
2. Meningkatkan kefahaman dan penghayatan umat Islam terhadap Islam supaya amalan masyarakat Islam selaras dengan ajaran agamanya. Antara usaha yang boleh dilakukan ialah melalui penerangan sama ada melalui kuliah, khutbah dan lain-lain aktiviti masjid.
3. Menjelaskan kepada orang bukan Islam mengenai salah faham terhadap Islam dengan penerangan yang jelas melalui pelbagai aktiviti yang sesuai seperti penyediaan website, dialog, kaunter penerangan, ziarah, dan lain-lain di samping pembuktian melalui peribadi mulia seorang muslim.
4. Mempelbagaikan dan mengaktifkan aktiviti masjid untuk manfaat bukan sahaja kepada orang Islam tetapi juga orang bukan Islam. Antaranya melalui kaedah memasyarakatkan masjid dengan cara menganjurkan aktiviti-aktiviti masjid yang bersifat *indoor* dan *outdoor* untuk kepentingan bersama seperti penganjuran:
 - i. Aktiviti gotong royong membersihkan kawasan perumahan persekitaran.
 - ii. Aktiviti menjaga keselamatan kawasan perumahan persekitaran.
 - iii. Aktiviti “rumah terbuka” sempena perayaan-perayaan Islam.
 - iv. Aktiviti riadah dan rekreasi.

- v. Program memeriksa kesihatan dan derma darah.
- vi. Kursus-kursus dan bengkel-bengkel kemahiran, kekeluargaan, khidmat kaunseling dan sebagainya.
- vii. Kelas-kelas tambahan dan kelas tuisyen.
- viii. Pelbagai pertandingan bagi setiap lapisan masyarakat merentas agama dan kaum seperti pertandingan memancing, memasak, melukis dan seumpamanya.
- ix. Program Hari Bersama Pelanggan, pemeran, kaunter penerangan dan jualan.

Apa yang penting aktiviti-aktiviti di atas tidak semestinya diadakan di masjid supaya orang bukan Islam boleh dijemput bersama.

PENUTUP

Hasil kajian secara keseluruhannya membuktikan bahawa kebanyakan masyarakat bukan Islam yang tinggal berdekatan dengan masjid tidak terganggu dengan laungan suara, bacaan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di masjid. Namun, beberapa usaha perlu dilakukan bagi meminimakan perasaan tidak puashati sebahagian kecil daripada mereka.

Dari aspek minat mereka untuk mengetahui tentang Islam, hampir keseluruhan menyatakan tidak berminat untuk mengetahuinya. Manakala sebahagian kecil yang berminat memberi alasan bahawa ia berpunca daripada sikap positif orang Islam dan bacaan yang didengari dari masjid.

Dari aspek penyertaan orang bukan Islam terhadap aktiviti masjid, hampir keseluruhan menyatakan tidak berminat dengan alasan utama yang diberikan ialah masjid untuk orang Islam dan tiada masa. Hal ini mempunyai kaitan dengan jemputan daripada ahli jawatankuasa masjid. Hanya sebahagian kecil orang bukan Islam yang tinggal berhampiran dengan masjid dijemput menghadiri sesetengah aktiviti masjid yang dianjurkan. Apabila dijemput hanya sebahagian kecil sahaja yang menghadirinya.

Kajian ini keseluruhan menunjukkan, kebanyakan orang bukan Islam yang tinggal berhampiran dengan masjid berasa selesa dan tidak terganggu dengan realiti yang ada di sekeliling masjid.